

BAB IV

PENGALAMAN PELABURAN ASING DI DANANG EPZ/IZ: KAJIAN KES SYARIKAT MARIKAWAN

4.1 Pengenalan

Vietnam dan Malaysia telah menjalin hubungan diplomatik dan perdagangan yang baik, khususnya selepas lawatan kedua-dua Perdana Menteri ke negara jiran masing-masing pada awal tahun 1992. Persamaan dari aspek latarbelakang, alam semulajadi dan aspirasi telah membekalkan satu ruang yang baik untuk bekerjasama dengan lebih erat. Kerajaan Malaysia mempunyai tujuan bagi membantu Vietnam dalam soal pembangunan dengan mengeksplorasi tenaga buruh Vietnam yang berpotensi dan sumber-sumber semulajadi yang kaya. Dengan berbuat demikian, Vietnam dapat mengejar dan meletakkan diri pada kedudukan yang sewajarnya di negara-negara Selatan yang pesat membangun, khususnya di Asia Tenggara.

Berikutnya lawatan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1992, kerajaan Vietnam telah mempelawa usahawan Malaysia membuka *Export Processing Zone*, (EPZ) di negara itu dan telah menawarkan beberapa pilihan kawasan yang luas. Perdana Menteri Malaysia telah menyambut baik pelawaan ini dan beliau mencadangkan sebuah konsortium yang mengandungi beberapa syarikat tempatan diwujudkan bagi membuka EPZ di Vietnam. Konsortium ini adalah Syarikat Marikawan. Maka tidak salah jika dikatakan bahawa pembukaan Danang EPZ/IZ¹ adalah ilham dan cita-cita kedua-dua

Perdana Menteri Malaysia dan Vietnam ketika Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melawat Vietnam pada April 1992.

Syarikat Marikawan (penjelasan lanjut tentang syarikat ini akan dibincangkan pada tajuk kecil 4.5.1.1) telah mengambil tugasan cadangan projek ini. Pengarah Syarikat Marikawan telah beberapa kali mengetuai misi ke Vietnam bertujuan untuk meneliti cadangan pelaksanaan tersebut. Akhirnya, Syarikat Marikawan telah menandatangai satu perjanjian usahasama dengan *Quang Nam Danang Export Processing Zone Development Corporation* (DANEZONE) bersama-sama untuk membangunkan dua bidang tanah dengan jumlah keluasan 300 hektar di dalam Danang sebagai EPZ pada 5 Jun 1993. Syarikat Usahasama itu bernama EPZ MASSDA . Pada Oktober, 21 1993, lesen dari SCCI telah didapati, satu proses yang berjalan agak lancar. Reaksi pemasaran menggalakkan terutamanya daripada pelabur Taiwan dan Jepun yang menyatakan minat untuk melabur di Danang EPZ/IZ.

Semua ini seolah-olah menjamin satu masa depan yang cerah. Bagaimanapun apa yang berlaku tidak seperti yang dijangkakan. Selepas pelancaran EPZ Danang, EPZ MASSDA masih tidak dapat hak pemilikan tanah di kawasan An Don, Danang. Sebab utama ialah isu ganti rugi dan persoalan pemindahan. Masalah ini telah mengambil masa lebih daripada dua tahun. Pekerjaan pembinaan tidak dapat dimulakan. Pelabur-pelabur yang meluahkan minat terdahulu telah melabur ke tempat lain kerana tidak sanggup menunggu.

Untuk menyelesaikan masalah ini, Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1996 telah melawat Danang EPZ/IZ. Lawatan ini bertujuan untuk

memberi tekanan kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan lebih tegas menyelesaikan masalah pemilikan tanah. Bagaimanapun ia hanya membawa hasil yang sedikit. Pada akhir tahun 1997, pembinaan infrastruktur asas yang baru telah sudah selesai.²

Semenjak Syarikat Marikawan menerima lesen (1993) sehingga ke tahun 1997, iaitu lebih kurang empat tahun melabur, hanya mendapat satu pelabur yang memulakan operasi dan seorang pelabur lagi dalam peringkat pemprosesan.

Danang EPZ/IZ telah dianggap oleh masyarakat Vietnam sebagai satu kegagalan dan ia tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial di Danang, apatah lagi untuk menyumbang ke arah pembangunan perindustrian di Vietnam seperti yang diharapkan oleh Vietnam.

Tuduhan ini tidak adil. Boleh dikatakan semua pembangunan EPZ/IZ di Vietnam tidak begitu mencapai matlamatnya. Malahan boleh dikatakan, sebahagian besar pelaburan asing di Vietnam tidak membawa kejayaan. Di sini, jelas menunjukkan bahawa terdapat halangan dan masalah dalaman, yang menyebabkan kegagalan itu.

Bagi Danang EPZ/IZ, antara sebab-sebab yang menonjol ialah kelewatan. Kelewatan ini disebabkan oleh persoalan pemilikan tanah dan isu ganti rugi, masalah dalam perhubungan Usahasama dan kerentang pihak berkuasa tempatan. Selain itu, tidak dinafikan lokasi dan kemudahan infrastruktur yang terhad juga merupakan antara faktor utama.

4.2 Perkembangan EPZ/IZ Di Vietnam

Sebelum masuk kepada kajian mendalam ke atas kes Syarikat Marikawan, terlebih dahulu dijelaskan keadaan perkembangan dan pembangunan EPZ/IZ di Vietnam secara menyeluruh.

Satu persoalan yang perlu dijawab dengan jujur ialah apakah kelebihan yang boleh didapati dengan membangunkan satu EPZ/IZ dalam sebuah negara yang sedang membangun ke arah perindustrian, dan berapa peratuskah EPZ/IZ yang berjaya mencapai objektifnya. Mengikut WEPZA (*World Export Processing Zone Association*), dengan 200 EPZs yang ada, hanya 10% dari mereka berjaya, dan kesemua terletak di Asia dan Mexico. WEPZA telah mengatakan sepuluh kriteria yang mana sesebuah EPZ/IZ perlu patuhi agar ia boleh berjaya pada masa hadapan. Seorang pengkaji Amerika Syarikat berpendapat kesemua EPZ/IZ di Vietnam agak memuaskan kecuali dalam sektor sokongan industri.³ Pengkaji berpendapat selain dari sokongan industri, pembangunan EPZ/IZ di Vietnam dan secara spesifiknya di Danang mempunyai kekurangan dari segi polisi dan juga faktor fizikal.

Peraturan-peraturan EPZ di Vietnam diisytiharkan pada Oktober 1991, dan penjelasan lanjut dilakukan pada Disember 1992. Sementara itu peraturan-peraturan IZ dikeluarkan pada 1994. Vietnam bercita-cita untuk menubuhkan EPZ yang akan memberi perdagangan bebas dan peraturan-peraturan yang liberal kepada firma-firma, terutamanya firma asing. Pengurusan EPZ juga berkeinginan untuk menjadikan perkhidmatan “one stop” kepada pelabur-pelabur. Secara umumnya, peraturan-peraturan EPZ membekalkan pelabur-pelabur dalam zon lebih insentif fizikal daripada

insentif yang diberikan di bawah undang-undang pelaburan asing. walaupun bagaimanapun, dalam sebuah negara seperti Vietnam di mana sekitan perdagangan masih wujud, pembangunan EPZ merupakan satu cara yang boleh digunakan untuk membekal status perdagangan bebas kepada aktiviti-aktiviti eksport di mana pengeksport-pengeksport dapat bertanding di pasaran dunia di atas dasar yang sama dengan pengekport-pengeksport dari negara yang lain. Pembangunan EPZ merupakan cara yang paling baik terutama apabila tiga mekanisma yang lain iaitu, sistem “*in-bond*”, pengecualian duti dan duti “*drawback*” tidak dapat berfungsi dengan baik di Vietnam.⁴

Daripada Jadual 4.1, didapati pertumbuhan EPZ/IZ di Vietnam paling pesat antara negara-negara yang lain. Dalam masa tujuh tahun ia diperkenalkan, EPZ dan IZ telah meningkat ke jumlah 48 zon kesemuanya. Walau pun angka itu boleh diragui kerana banyak di antara EPZ/IZ yang disenaraikan oleh kerajaan Vietnam sebenarnya hanya sekeping tanah yang terbiar dan belum dibangunkan. Bagaimanapun, sejak Vietnam memperkenalkan EPZ, terdapat enam EPZ di Vietnam yang menjadi kenyataan, iaitu Tan Thuan, Linh Trung, Namura Hai Phong, Noi Bai, Can Tho dan Danang (walaupun status EPZ kebanyakannya telah ditukarkan kepada IZ pada tahun 1996 dan 1997 berikutan dengan galakkan kerajaan).

Antara enam EPZ itu, lima daripadanya diusahakan oleh pelabur-pelabur asing dari Taiwan, Jepun, Malaysia dan China. Hanya Can Tho yang dibangunkan dengan kapital tempatan. Manakala zon IZ lebih banyak dibangunkan oleh kapital tempatan kecuali Singapura-Vietnam IZ yang diusahakan oleh pelabur-pelabur dari Singapura dan Amata IZ.

Jadual 4.1: EPZ Dan IZ Antarabangsa

Negara	Tarikh Permulaan Progam	Jumlah Zon	Jumlah Pengambilan tenaga buruh	Eksport Tahunan (US\$ juta)
Taiwan	1966	3	300,000	13,000
Malaysia	1971	15	230,000	2,000
Pakistan	1981	1	-	-
Negara Thai	1981	15	70,000	550
Bangladesh	1983	2	17,728	128
Indonesia	1985	9	-	1,200
VIETNAM	1991	48	88,264	848

Nota: Data Vietnam ialah Disember 1997. Data Indonesia ialah pada tahun 1992. Bangladesh ialah pada tahun 1993; yang lain pada pertengahan 1994.

Sumber: Data dikumpul daripada pelbagai sumber; World Bank (1990), Badan Pengurusan IZ dan EPZ di Vietnam.

Tanah mentah iaitu tanah yang masih belum dibangunkan di Vietnam agak murah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.2⁵. Bagaimanapun selalunya pelabur-pelabur biasanya mendapati harga tanah mentah sebenar tidak diikuti dengan hak pemilikan dan penggunaan tanah. Jikalau hendak memperolehi kedua-dua hak yang penting itu, kosnya sangat tinggi dan mengambil masa yang panjang. Disebabkan kekurangan data, adalah sukar untuk mendapat keputusan berapa kos yang terlibat bagi pembangunan EPZ/IZ di Vietnam. Pengkaji yang bekerja dalam EPZ MASSDA, berpeluang bertemu dengan pembangun-pembangun asing EPZ/IZ yang lain boleh mengesahkan bahawa kosnya selalu diluar jangkaan dan “*feasibility study*”.

Oleh kerana kebanyakan EPZ di Vietnam telah bertukar status kepada IZ, di mana dalam sebuah zon IZ boleh meliputi EPZ, tetapi sebuah EPZ tidak boleh ada IZ, pengkaji telah mengabungkan beberapa EPZ dan IZ untuk perbandingan seperti di Jadual 4.3. Didapati apa yang ditawarkan oleh Danang EPZ/IZ adalah kompetitif dan menarik, tetapi antara EPZ/IZ itu, Tan Thuan EPZ yang dikira paling berjaya dalam masyarakat tempatan kerana ia menarik paling ramai pelabur-pelabur asing, terutamanya pelabur-pelabur dari Taiwan. Harganya yang paling tinggi berbanding dengan zon-zon yang lain. Ini merupakan sesuatu yang aneh. Apa yang dapat dijelaskan di sini ialah kerana lokasinya yang terletak berhampiran dengan bandar Ho Chi Minh dan strategi pemasaran yang menonjol.

Jadual 4.2: Perbandingan IZ Dan EPZ, Kos Tanah Dan Kos Pembangunan

Negara/ Tempat	Tanah Mentah, Harga Beli Asal (US\$/m ²)	Kos Pembangunan Tanah Industri (US\$/m ²)	Tanah Perkhidmatan Industri, Harga Jualan (US/m ²)
Malaysia	8-60	40	42-75
Indonesia	5-100	10-50	140-150
Negara Thai	49-80	4-42	20-79
Taiwan	40-120	20	50-400
VIETNAM	0.7 – 30	20-80	40-120

Nota: Tanah mentah ialah tanah yang belum dibangunkan. Tanah Perkidmatan Industri ialah tanah yang telah dibangunkan dengan utiliti dan pengangkutan serta perhubungan. Kos pembangunan tanah industri meliputi kos infrastruktur.

Sumber: Data-data dikumpul dari pelbagai sumber. Semua data adalah pada pertengahan tahun 1994.

Jadual 4.3: Perbandingan Di Antara Beberapa IZ Dan EPZ Di Vietnam

Perkara	Tan Thuan (EPZ)	Can Tho EPZ/IZ	Anata EPZ/IZ	Nomura IZ	Bien Hoa II IZ	Song Bac IZ	Danang EPZ/IZ
Sewa	US\$108/m ² /45 tahun	US\$1/m ² /tauhun	US\$65/m ² /50 tahun	1 lot: US\$2.38/m ² /tauhun 2-4 lot: US\$2.20/m ² /tauhun 5 lot dan ke atas: US\$2.10/m ² /tauhun	US\$2.25/m ² /tauhun	US\$65/m ² /49 tahun (infrastruktur + sewa) ATAU US\$2.5/m ² /tauhun Infrastruktur: US\$30/m ² /1 kali	US\$42/m ² /46 tahun ATAU US\$1.20/m ² /tauhun
Kontrak	45 tahun	15/20/25/30 tahun	50 tahun	50 tahun	50 tahun	49 tahun	46 tahun
Kadar Elektrik	8 sen	8-9 sen	8 sen	Lebih 20 KV 8 sen 6-20 KV 7.5-10 sen Di bawah 6 KV: 8-11 sen	8 sen	Kadar rasmi	Kadar rasmi
Kadar Air	30 sen	30 sen	40-50 sen	30 sen	35 sen	Kadar rasmi	Kadar rasmi
Bayaran Infrastruktur	US\$0.22/m ² /bulan an bagi 10 tahun yang pertama	US\$0.05/m ² /bulan	US\$0.5/m ² /tauhun bagi 10 tauhun yang pertama US\$1/m ² /tauhun bagi 10 tauhun yang kemudian	US\$0.46/m ² /tauhun	US\$5/m ² bagi lima tahun yang pertama US\$0.5/m ² /tauhun bagi tahan -tahan kemudian	Tidak ada	Tidak ada
Bayaran Utiliti	0.3% nilai eksport FOB	US\$0.05/m ² /bulan	US\$1.75/m ² /bulan	Tidak ada	Tidak ada	Tidak ada	Tidak ada
Pengendalian sewage	Tidak ada	Tidak ada	US\$0.28/m ³ ke atas 80% penggunaan air	US\$0.25/m ³	-	Tidak ada	Tidak ada
Pengurusan HERTZA dan perkidmatan	Mengikut HERTZA	Tidak ada	US\$0.394/m ² /tauhun	Tidak ada	Tidak ada	Tidak ada	Tidak ada

Sumber: Vietnam Today, Februari 1997 dan Feasibility Study of EPZ Danang,Syarikat Marikawan.

4.3 Kepentingan Pembangunan EPZ/IZ Dalam Pembangunan Perindustrian Di Vietnam

Pada masa kebelakangan ini, terdapat minat yang meningkat ke dalam pembangunan EPZ/IZ, terutama di negara-negara yang sedang membangun. EPZ dikenali sebagai satu kaedah untuk menolong dalam menyelesaikan kekurangan dalam mendapatkan reaksi yang baik dari antarabangsa, membekal peluang pekerjaan serta-merta dan mendapat keuntungan dalam pertukaran matawang asing dengan kemasukan pelaburan asing. Keadaan ini juga menggambarkan perubahan tanggapan dalam negara-negara sedang membangun mengenai peranan kritikal dalam kerjasama antara syarikat asing dan tempatan; selain dari pemindahan kapital, ia juga dapat mencontohi negara-negara maju ke arah kemasukan pasaran dunia dengan peningkatan taraf antarabangsa dari segi pengeluaran dan perdagangan.

Status perdagangan bebas dan perikliman yang liberal dalam sesebuah EPZ yang bercantum dengan satu zon industri yang cekap akan menjadi lebih menarik kepada pelaburan asing daripada mana-mana lokasi dalam ekonomi. Pengurusan yang baik dari aspek polisi dan zon industri adalah penting bagi sesebuah EPZ untuk menarik pelabur asing. Satu perikliman perdagangan yang kompetitif dari antarabangsa juga penting. Dari segi praktisnya, amat diperlukan satu polisi yang liberal, sistematik dan saksama, upah benar yang rendah relatif dengan pencapaian pekerja, mudah masuk ke dalam pasaran luar dan bermanfaat dalam orientasi eksport, fizikal infrastruktur perdagangan yang baik dan keadaan untuk penghidupan yang baik. Informasi mengenai EPZ dan negara tuan rumah dan enterprise-

enterprise tempatan yang berpotensi menjadi penawar atau rakan kerja sama juga penting.

Satu EPZ dapat membawa manfaat secara langsung dalam bentuk pertukaran matawang asing, pekerjaan dan pendapatan. Manfaat secara tidak langsung, dalam bentuk mempelajari dan mencontohi dari firma-firma tempatan, latihan dan pengalaman yang didapati semasa menjalankan tugas, di mana akan membawa perolehan kemahiran dan teknologi oleh pekerja-pekerja tempatan. Kesan positif boleh dicipta juga dengan hubungan ke belakang, akibat dari tuntutan permintaan bagi infrastruktur dan perkhidmatan dan kadang-kala permintaan ke atas input tempatan yang diproses oleh firma-firma tempatan di luar zon. Satu EPZ juga boleh mempunyai kesan positif yang lain melalui mempelajari mengenai permintaan pelabur-pelabur asing dan pentadbiran seperti peraturan yang lebih ringkas dan lain-lain lagi oleh pegawai-pegawai kerajaan. Terdapat juga kesan positif ke atas pembasmian kemiskinan, memandangkan peluang pekerjaan yang boleh diberikan kepada rumahtangga yang miskin. Pengalaman yang didapati dari negara-negara lain mencadangkan sebuah EPZ yang berjaya akan kekal aktif dan terus membawa manfaat secara langsung terutama dalam 20 tahun yang akan datang, sedangkan manfaat secara tidak langsung akan lebih fokus dalam dekad yang pertama.⁶

Walau bagaimanapun, mengikut laporan World Bank, yang sangat aktif dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan EPZ di merata-rata tempat, manfaat-manfaat secara langsung dari pembangunan EPZ, walau pun benar, tetapi tidak banyak.⁷ Penyelidikan empirikal telah

mendapati, kepentingan hubungan ke belakang jarang berlaku. Pemindahan teknologi dari EPZ juga terlalu kecil, kerana cirinya yang enklaf. Manfaat secara langsung yang lain didapati sederhana sahaja berbanding dengan harapan dan jangkaan negara-negara sedang membangun iaitu purata jumlah pekerja yang diupah dalam sebuah EPZ yang besar (kira-kira 150 kilang) hanya 30,000. Satu angka yang kecil berbanding dengan kehendak untuk menyerap pengangguran yang tinggi seperti dalam kes Vietnam. Pertukaran wang asing yang bersih daripada kilang eksport yang terletak di EPZ hanya 10% daripada nilai eksport keseluruhannya.⁸

Vietnam harus menyedari daripada 90 EPZ yang sedang beroperasi di dunia ini, hanya 25% daripadanya dikirakan berjaya.⁹ Meskipun sebuah EPZ itu berjaya, kejayaannya amat terhad dalam satu kawasan atau satu bahagian ekonomi sahaja, sekiranya keadaan ekonomi dalam negara-negara itu dikawal dan melaksanakan ekonomi tertutup. Isu di sini ialah EPZ akan berfungsi dengan berkesan dan cekap untuk menarik pelaburan asing dan mempromosi perindustrian eksport dengan perdagangan yang liberal, pembangunan eksport yang pesat dan semangatnya akan bergantung kepada strategi keseluruhannya untuk menuju status perdagangan bebas bagi semua pengekspor di dalam atau di luar EPZ. Jadi EPZ hanya merupakan satu alat transisi dan harus dikenali sebagai satu bahagian dalam program reformasi dalam pembangunan eksport yang lebih besar. Pembangunan EPZ akan menurun apabila perdagangan lebih diliberalkan.¹⁰

4.3.1 Kesan-kesan Pekerjaan

Pengambilan tenaga kerja yang berjumlah 530,000 pada tahun 1990 di EPZ-EPZ dalam ekonomi yang sedang membangun adalah kecil berbanding dengan jumlah tenaga kerja dalam negara-negara tersebut.¹¹ Bagaimanapun kepentingan dan keberkesanan EPZ/IZ yang terletak di sekeliling kawasan pasaran buruh adalah menakjubkan di mana dapat mengurangkan pengangguran dalam sesebuah tempat itu dengan besarnya, bukan hanya melalui penciptaan pekerjaan tetapi juga dari permintaan ke atas perkhidmatan dan pembinaan. Upah di dalam zon lebih cenderung sama atau lebih tinggi dari upah di luar zon bagi kerja yang sama. Keadaan tempat kerja tentunya lebih baik dari zon luar. Keadaan keselamatan dan perubatan di dalam zon EPZ/IZ lebih baik daripada keadaan di luar zon, ini kerana Zon EPZ/IZ lebih bersih, lebih terang, pengudaran lebih baik, dan lain-lain lagi.

Kebanyakan pekerja EPZ/IZ dilindungi oleh undang-undang buruh. Pertubuhan sekerja terdapat di dalam beberapa zon EPZ. Pekerja-pekerja EPZ/IZ tidak bebas sepenuhnya dalam mengadakan aktiviti-aktiviti. Memandangkan EPZ sangat kompetitif, putar-belit dalam hal upah jarang ada dan kadar peningkatan upah jarang lebih cepat daripada peningkatan dalam produktiviti kecuali pertukaran wang asing telah dinaikkan nilai.

4.3.2 Kesan Ke Atas Perdagangan Luar

Kesan itu susah dikesan memandangkan tidak mempunyai satu cara yang boleh menyakinkan apa akan berlaku jika tanpa pembangunan EPZ.¹² Bagaimanapun, adalah jelas menunjukkan kerana ciri EPZ/IZ yang

enklaf dan sifat-sifat lain yang spesial, pencapaian eksport yang memuaskan sudah cukup kompetitif.

Kejayaan EPZ mempunyai kedudukan yang amat penting dalam polisi perdagangan. Ini terbukti jelas dalam kes-kes ekonomi di Asia, terutamanya Malaysia, Sri Lanka, Taiwan dan Korea Selatan. Lebih kurang 80% daripada EPZ eksport ialah daripadanya.¹³ Beberapa negara Asia telah memilih EPZ sebagai satu peralatan polisi bukan untuk memulakan aktiviti eksport tetapi untuk menpercepatkan pertumbuhan eksport.¹⁴

4.3.3 Kesan Ke Atas Pemindahan Teknologi Dan Kemahiran

Dalam industri-industri yang ringkas secara relatifnya seperti dalam industri pakaian dan kasut, pemindahan teknologi boleh berlaku di luar dan di dalam EPZ. Pemindahan ini berlaku dari juruteknik-juruteknik dan pengurus-pengurus asing yang bekerja bersama dalam sesebuah kilang, dari pembelian oleh pengeluar-pengeluar asing dari firma-firma tempatan, dan melalui konsultan-konsultan, pergerakan pekerja-pekerja, lawatan ke kilang di luar negeri dan lain-lain lagi. Tetapi dalam industri seperti komponen elektronik, dengan perubahan yang pesat dalam teknologi, pemindahan teknologi ke ekonomi yang sedang membangun dikuasai oleh firma-firma yang kuat dan tertubuh sahaja.

Kesan yang terpenting dalam pemindahan teknologi yang berlaku di dalam EPZ ialah melalui pergerakan pekerja yang terlatih di negara-negara asing dan firma usahasama dalam zon dan melalui mempelajari dari firma tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat persetujuan umum bahawa

pemindahan secara langsung dari produk dan proses teknologi dari EPZ adalah kecil.¹⁵

4.3.4 Kesan Ke Atas Persekutaran

EPZ jarang menerima industri yang mendatangkan pencemaran air dan udara yang serius. Ini disebabkan kawalan yang ketat yang tercatat dalam peraturan-peraturan EPZ/IZ. Setakat ini, masih tidak ada bukti yang menunjukkan firma-firma dalam EPZ terkecuali dari peraturan-peraturan persekitaran nasional.

Pada pandangan pengkaji, kesan-kesan EPZ/IZ tidak harus dinilai dari sumbangan statik mereka dalam pertukaran matawang asing dan pekerjaan tetapi harus dinilai dari sumbangan dinamiknya dalam penerusan polisi reformasi itu sendiri dalam kes Vietnam. Jikalau keupayaan pentadbiran dan kemahiran perindustrian tercapai, jadi kemunasabahan pendedahan satu strategi pembangunan yang berorientasikan luar ini dapat memberi keyakinan kepada perancang-perancang negara dalam masyarakat tempatan untuk mengembangkan polisi-polisi yang berkaitan kepada pengeksport-pengeksport di luar EPZ. Keseluruhan ekonomi akan dapat diperbaiki.

Tambahan pula, peningkatan dalam pertukaran wang asing dan pekerjaan melalui operasi EPZ yang berjaya dapat membekalkan satu dorongan kepada liberalisasi import dan mempermajukan lagi pasaran domestik.

4.4 Sepuluh Kriteria Yang Mempengaruhi Kejayaan Sesebuah EPZ/IZ

Terdapat sepuluh kriteria yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesebuah EPZ/IZ.¹⁶ Dari segi polisi yang boleh mempengaruhi EPZ ialah:-

1. Satu Polisi Pelaburan Asing yang jelas, meliputi kemungkinan pemilikan 100% oleh pelabur asing dan jaminan penghantaran pulang keuntungan.
2. Cukai bebas dan tiada sekatan untuk mendapat input-input penting dan barangkapital
3. Penjelasan (clearance)kustoms yang berkos rendah dan cepat dalam aktiviti eksport dan import.
4. Satu pertukaran matawang asing yang liberal bagi syarikat-syarikat dalam EPZ yang mangamalkan orientasi eksport dalam perdagangan antarabangsa.
5. Kawalan minima ke atas peraturan, tindakan dan aktiviti perdagangan dalam EPZ. Ini termasuk kebebasan untuk mengupah dan membuang pekerja dengan kos pengurusan yang rendah.
6. Pemanjangan status perdagangan bebas kepada estate EPZ pembangunan dan pentadbiran.

Dari segi zon industri, faktor-faktor yang penting ialah;

7. Pemilihan tapak dan lokasi yang sesuai, secara umumnya ialah di kawasan bandar utama, dengan bekalan tenaga buruh yang murah dan sesuai.

8. Pengangkutan (pelabuhan besar, jalan-jalan yang baik, lapangan terbang antarabangsa) dan utiliti (elektrik, air, pembentungan dan telekomunikasi yang boleh dipercayai)
9. Pentadbiran dan pengurusan yang baik dalam zon, (termasuk pembinaan kawasan kilang yang sesuai dan fasiliti-fasiliti yang saling melengkapi).
10. Usaha-usaha promosi yang sesuai.

Ini bermakna bagi sebuah zon EPZ/IZ yang berjaya ia mesti memenuhi kesepuluh kriteria di atas. Jarak antara pelaburan utama dan lapangan terbang antarabangsa dengan sebuah EPZ/IZ hanya 20-25 batu atau maksima satu jam masa perjalanan. Ia juga harus ditempatkan dalam kawasan metropolitan utama di mana terdapat tenaga buruh yang murah, kemudahan infrastruktur yang baik, dan pelbagai perkhidmatan yang tersedia lagi baik. Selain itu, fasiliti perubatan dan persekolahan yang memadai, keadaan penghidupan dan perumahan yang selesa bagi pengurus-pengurus asing dan keluarganya mesti ada.

Zon yang berlokasi di kawasan yang mundur dengan keinginan untuk mempercepatkan pembangunan mereka telah menjanakan pulangan yang lemah, di mana zon-zon yang terdapat di bandar kecil jauh dari aktiviti-aktiviti pusat utama. Apabila lokasi sebuah EPZ berada di tempat yang buruk, ia memerlukan pembinaan banyak infrastruktur fizikal baru, seperti dalam penjanaan kuasa letrik, perumahan, saluran air dan sebagainya. Ini telah meningkatkan kos pembangunan dengan melampau.

EPZ yang berjaya juga berkeupayaan membekalkan kemudahan utiliti seperti elektrik, air, telefon, komunikasi faks, sekurang-

kurangnya dua atau tiga talian dalam satu kilang, jalan-jalan masuk-keluar yang baik, bangunan kilang yang setaraf untuk disewa, atau tanah perkhidmatan bagi pelabur-pelabur yang ingin menyewa tanah dan membina kilang mereka sendiri, fasiliti sokongan yang lain seperti pentadbiran dan perkhidmatan stesen bas dibina, ada tempat untuk meletakkan kereta yang luas dan satu pagar yang tinggi di sekeliling zon ini.

Strategi pembangunan pembinaan dengan berfasa yang bertindakbalas terhadap permintaan ruang merupakan kunci kejayaan bagi sesebuah EPZ. Kebanyakan EPZ yang dibina pada permulaan telah dibina berlebihan dan fasiliti-fasiliti lebih dari permintaan, menghadapi kependudukan yang rendah dan tidak pernah dapat memulih kos. Saiz yang tidak kurang dari 15 hektar dan tidak lebih dari 200 hektar adalah paling sesuai bagi pembangunan EPZ.

Pengurusan yang baik dengan membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan diperlukan, termasuk sistem pembersihan awam, pembentungan dan penyelenggaraan. Zon yang baik lagi berjaya juga mempunyai fasiliti-fasiliti seperti sistem pemadam api, pembankuan dan fasiliti pos, rujukan pekerjaan, pembekalan makanan, pusat latihan dan perkhidmatan perdagangan yang bertaraf antarabangsa.

Kebanyakan EPZ yang gagal berpunca daripada keadaan zon industri itu sendiri termasuk pemilihan tempat yang buruk (termasuk cuba untuk mencipta zon-zon jauh dari pusat-pusat utama dan buruk dari segi perikliman perdagangan, ketidakstabilan politik atau infrastruktur fizikal yang

terhad); pengurusan yang tidak berkesan serta kempen pemasaran yang tidak terancang dan tidak memadai.

Kejayaan sesebuah zon juga ditentukan oleh polisi-polisi; langkah yang cepat dan yakin untuk mendapatkan input-input import dengan kos yang rendah, merupakan elemen yang kritikal untuk meningkatkan keupayaan firma untuk mendapatkan input-input yang diperlukan dalam masa yang singkat dan tepat untuk memenuhi hak waktu dan menugurangkan masa menuggu dan kos inventori. Maka, prosedur kustoms yang cepat dan berkos rendah bagi barang import dan eksport merupakan “satu kemestian” dalam menentukan kejayaan sesebuah zon. Sekatan bebas dan cukai bebas bagi barang kapital dan alat-alat penggantian (*spare part*)diperlukan.

Polisi pelaburan asing yang jelas yang juga membenarkan 100% milik asing dan jaminan penghantaran balik keuntungan dan pembayaran yang cepat dalam kewajiban pertukaran wang asing mesti diadakan. Hak-hak harta benda mesti dijelaskan dengan terang dan jaminan yang mesti boleh dipercayai dan kawalan ke atas peraturan yang terlibat harus minimal, untuk mengelakkan kos yang tinggi atau kelewatan yang tidak munasabah oleh authoriti-authoriti berkenaan. Selain itu, hak untuk mengambil dan membuang pekerja dengan kos yang rendah dan pelaksanaan urusan perdagangan antara firma-firma dalam zon harus dikawal bebas. Pertukaran wang asing yang liberal kepada pengeksport-pengeksport, pergerakan yang bebas bagi pengurus-pengurus dan juruteknik-juruteknik diperlukan. Borang permohonan dan prosedur dalam pelaburan mesti ringkas dan tidak kompleks dan tuntutan tidak harus keterlaluan. Reaksi mesti cepat kepada permohonan

pelaburan. Status perdagangan bebas diadakan dalam pembangunan dan pengurusan zon EPZ, peralatan dan bahan-bahan pembinaan, peralatan pengangkutan boleh diimport dengan cukai bebas.

Sebab utama kegagalan bagi sebuah EPZ dari segi polisi ialah kelewatan dalam formulasi polisi-polisi yang diperlukan, peraturan-peraturan berlebihan dan perikliman peraturan yang rigid, undang-undang dan peraturan-peraturan berkenaan dengan EPZ yang tidak sesuai, rigid, memakan masa dan prosedur kastam yang menjemukan.

4.5 Kajian Kes Pelaburan Asing Syarikat Marikawan Dalam Pembangunan EPZ/IZ Di Danang

Ini merupakan satu kajian lanjutan bagi pengkaji terutama apabila pengkaji mendapat peluang bekerja di syarikat kajian kes itu pada tahun 1995 hingga ke tahun 1997. Pengkaji yang mengalami dan menyaksikan apa yang telah berlaku dalam pembangunan Danang EPZ/IZ itu amat sangsi dengan kesimpulan yang pernah dibuat semasa menulis latihan ilmiah dahulu.¹⁷ Pengkaji berpendapat kesulitan dan cabaran yang dihadapi oleh Syarikat Marikawan itu adalah kompleks melibatkan sistem perundangan, birokratik, infrastruktur, budaya, pemikiran tempatan, lokasi dan sebagainya. Pada kali ini, pengkaji ingin membincangkan kajian kes ini dalam konteks yang lebih besar, iaitu berkaitan dengan isu-isu pelaburan asing secara amnya dan pembangunan EPZ/IZ oleh pelabur asing secara spesifiknya. Perhubungan yang baik antara kedua-dua negara, Vietnam dan Malaysia serta restu dari

kedua-dua pemimpin dalam projek pelaburan ini akhirnya tidak boleh menjamin apa-apa.

4.5.1 Proses Penubuhan Dan Pembangunan Danang EPZ Dan IZ (1993 – 1997)

Pengkaji telah mula mengkaji pembangunan EPZ dan IZ pada tahun 1994 dan bekerja di Danang EPZ/IZ pada tahun 1995 sehingga tahun 1997. Perkembangan pembangunan Danang EPZ/IZ tidak lancar dan menghadapi pelbagai masalah yang tidak dijangka. Perbincangan yang teliti akan dibuat seperti berikut.

4.5.1.1 Informasi Latar Belakang Syarikat

Syarikat Marikawan ditubuhkan berikutan kejayaan misi perdagangan Dr. Mahathir ke Argentina, Brazil, Chile dan Mexico pada tahun 1991. Semasa beliau membuat lawatan ke sana, beliau melaungkan satu hasrat kepada pedagang-pedagang dan usahawan-usahawan Malaysia supaya menubuhkan satu pertubuhan yang boleh mengumpulkan sumber-sumber, mengenalpasti peluang-peluang perdagangan dan mempromosi perdagangan Malaysia ke negara-negara Amerika Latin. Dr. Mahathir amat percaya konsortium sebegitu akan mengurangkan risiko pelaburan ke dalam pasaran yang belum diketahui dan juga membawa kesan yang lebih besar dalam iklim pelaburan di Malaysia.

Syarikat Marikawan ditubuhkan dalam struktur konsortium. Konsortium ini terdiri daripada 80 pemegang saham (pada tahun 1997), ramai

di antaranya merupakan pemegang-pemegang syarikat utama di Malaysia. Konsotium sedemikian ini membolehkan komuniti pedagang-pedagang Malaysia lebih mendapat pendedahan dalam perkembangan perdagangan, khususnya ke pasaran-pasaran baru seperti Amerika Latin, Indochina, Afrika dan Asia Barat.

Penubuhan Syarikat Marikawan digalakkan oleh Perdana Menteri serta di bawah jagaan beliau. Ia juga menerima sokongan penuh dari menteri-menteri yang berkaitan, agensi-agensi dan institusi-institusi kewangan di Malaysia.

Objektif-objektif Syarikat Marikawan termasuk mempromosi perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara Selatan-Selatan dan berperanan sebagai kenderaan atau mangkin kepada promosi perdagangan, eksport, pelaburan, pelancongan serta koperasi teknikal dan ekonomi secara umum.

EPZ MASSDA JVC (*Joint Venture Corporation*) ialah sebuah syarikat usahasama yang didirikan untuk mempromosikan pembangunan EPZ di provinsi Quang Nam Danang, Vietnam. Syarikat usahasama ini menerima lesen pada 21 Oktober 1993. Perjanjian ini memberi kebenaran kepada Syarikat usahasama ini untuk membangun dan mengurus tanah tersebut dalam tempoh 50 tahun di bawah tajuk projek “EPZ”.

Rakan kongsi syarikat Usahasama ini terdiri daripada Syarikat Marikawan dengan ekuiti 65% dan DANEZONE mempunyai ekuiti 35%. Jumlah pelaburan kapital US\$24 juta dan kapital legal US\$12 juta.

4.5.1.2 Peringkat-peringkat Penubuhan

Satu delegasi yang dipimpin oleh Ketua Pengarah telah melawat ke Vietnam untuk meninjau kawasan-kawasan yang berpotensi pada Jun 1992. Delegasi ini telah melawat semua kawasan yang ditawarkan oleh pihak Vietnam untuk pembangunan EPZ; dari bandar Ho Chi Minh sehingga ke Hanoi. Anggota-anggota dalam delegasi ini merupakan pedagang-pedagang yang terlibat dalam berbagai-bagai kepentingan perdagangan dan pelaburan, bermakna mereka memang berpengalaman dan berpengetahuan di dalam hal-hal pelaburan dan pembangunan perindustrian.

Dalam lawatan tersebut, *feasibility study* ke atas tapak-tapak EPZ dikaji dengan mendalam. Kajian terhadap kesemua kawasan-kawasan yang ditawarkan membolehkan delegasi ini memilih dan mengesyorkan beberapa kawasan berpotensi untuk dikaji dengan lebih mendalam lagi.

Terdapat enam lokasi telah dipilih dan ditawarkan oleh kerajaan Vietnam kepada Malaysia untuk pembangunan EPZ. Ianya terdiri daripada Vung Tau, Danang, Ho Chi Minh, Hanoi, Hai Phong dan Quang Ninh. Selepas lawatan delegasi, satu penilaian semula peringkat awal ke atas kawasan-kawasan EPZ telah dilakukan.¹⁸

Dalam menentukan tapak pembangunan EPZ ini, satu pasukan penyelidik disyorkan untuk menjalankan kajian kejuruteraan. Keputusan ini akan membolehkan penyediaan cadangan untuk pembangunan kawasan EPZ yang spesifik dalam fasa berperingkat-peringkat.

Semasa melawat ke semua kawasan EPZ, delegasi telah menyampaikan tujuan dan niat mereka untuk membangunkan EPZ adalah

ikhlas dan jujur. Walau bagaimanapun, delegasi tersebut mendapat peraturan-peraturan penubuhan EPZ yang sedia ada masih tidak lengkap.¹⁹ Ini akan menghalang pembangunan di kawasan tertentu dan kurang menarik. Halangan-halangan lain ialah kekurangan infrastruktur dan fasiliti pelabuhan, kos tanah yang tinggi dan kos pembangunan permulaan yang sangat tinggi.

Pada pandangan delegasi, pembangunan EPZ di luar bandar utama akan mengurangkan kos tanahnya. Jadi ini membolehkan mereka menyewa kepada pelabur-pelabur dengan kadar yang lebih murah dan kompetitif. Di samping itu, kos pembinaan pada peringkat permulaan juga diharap agar dapat direndahkan. Sesetengah daripada kelengkapan infrastruktur seperti air dan elektrik boleh dibekalkan dengan menggali telaga dan menggunakan penjana disel. Dalam konteks ini, proses untuk membangunkan EPZ akan mencapai satu tahap yang berkos rendah secara relatif. Apabila pelabur-pelabur telah tertarik oleh kadar sewa yang rendah dan kawasan tersebut telah mula berproduktiviti, kemudahan infrastruktur boleh dikembangkan dan diperbaiki lagi supaya menemui permintaan pada masa depan. Begitu juga dengan fasiliti pelabuhan yang dapat dipertingkatkan mutu dan kadar bayaran dapat disesuaikan lagi mengikut perkembangan semasa.

Selepas menerima laporan dari *feasibility study*, Syarikat Marikawan telah menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) dengan DANEPZONE untuk menubuhkan satu syarikat usahsama untuk membangunkan EPZ di An Don dan Nuoc Man. Memorandum ini ditandatangani pada 26 Februari 1993. Isi kandungan MOU ini berdasarkan Undang-undang Pelaburan Asing di Vietnam dan dokumen-dokumen yang

berkaitan, serta Peraturan-peraturan Zon Eksport Pemprosesan Vietnam (*Regulation for Export Processing Zone*).

Selepas MOU ditandatangani, pihak pengurusan Syarikat Marikawan telah berbincang dengan syarikat peguambela tempatan untuk merangka satu perjanjian usahasama. Perjanjian ini dirangka atas dasar Undang-undang Pelaburan Asing di Vietnam dan lain-lain dokumen-dokumen legal yang berkaitan. Rangka ini juga merujuk kepada Peraturan-Peraturan EPZ yang diumumkan oleh Republik Sosialis Vietnam dan MOU yang ditandatangani pada bulan Februari 1993.

Pada 5 Jun 1993, Syarikat Marikawan telah menandatangani Perjanjian Usahasama (Joint Venture Agreement) dan “*Charter*” dengan DANEZONE untuk menubuhkan Syarikat Usahasama (*Joint Venture Corporation*, JVC). Nama kepada JVC ini dikenali sebagai *EPZ MASSDA JOINT VENTURE CORPORATION*.

Pada Ogos 1993, permohonan telah dibuat kepada SCCI untuk mendapat lesen bagi menubuh sebuah EPZ di An Don, Danang selama lima puluh (50) tahun. Proses ini dijalankan dengan sangat lancar. Pada Oktober 1993, lesen dari SCCI telah didapati bagi penubuhan EPZ MASSDA JVC. Masa yang digunakan hanya dua bulan.

Upacara pecah tanah EPZ Danang telah diadakan pada 1994. Ia dibuka secara rasmi oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia, Datuk Ting Chew Peh. Turut serta melancarkan EPZ itu ialah menteri selaku Pengerusi Pejabat Kerajaan Vietnam, Le Xuan Tring dan pegawai kanan Malaysia dan Vietnam.

Majlis ini sangat meriah lagi berjaya. Terdapat ramai pelabur yang menghadiri majlis itu. Pelabur-pelabur yang dari Taiwan, Jepun dan Malaysia merupakan kumpulan yang terbesar di samping pelabur-pelabur dari Jerman, Switzerland dan lain-lain lagi. Bahagian pemasaran menerima banyak pertanyaan serta menggalakkan. Situasi ini telah memberi satu galakkan yang besar kepada pengusaha Syarikat Marikawan.

Pada hakikatnya, pelancaran ini dianggap berlaku pada peringkat yang terlalu awal dan terburu-buru atas desakan kerajaan tempatan dan rakan kongsi kerana hendak menunjukkan bahawa mereka telah dapat dan boleh menarik pelabur-pelabur asing.²⁰ Danang EPZ/IZ masih belum bersedia untuk dipasarkan. Ini kerana penghuni-penghuni dalam kawasan An Don belum dipindah keluar, hak pemilikan belum dapat, tanah belum diratakan (sekurang-kurangnya), infrastruktur asas dan perlu untuk memulakan perkilangan belum ditempatkan, institusi perancangan dan proses perlesenan belum dikenalpasti.

Akibatnya, selepas upacara pecah tanah EPZ Danang, pembangunan yang seterusnya telah tersekat. Masalah-masalah utama akan dibincangkan pada bahagian-bahagian seterusnya.

4.5.2 Keistimewaan-keistimewaan Dan Perkhidmatan-perkhidmatan Yang Ditawarkan Oleh EPZ Danang

1. Satu pusat yang membekalkan segala perkhidmatan pelaburan. EPZ MASSDA ditubuhkan untuk mempromosi konsep dan pelaksanaan dalam provinsi ini, dan sudah pasti akan menyediakan peluang kapada

pelabur-pelabur lain yang berminat dengan satu pakej pelaburan yang lengkap. Perjalinan hubungan antara pelabur-pelabur akan ditawarkan oleh MASSDA. MASSDA bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa EPZ Danang dan pihak berkuasa provinsi Quang Nam Danang . Ini amat memudahkan pelaburan.

2. Pelabur-pelabur akan menerima pakar-pakar Malaysia dalam bidang pembangunan dan pengurusan dalam konteks EPZ di mana Malaysia telah mendapat kejayaan besar dalam mengendalikan EPZ, terutama EPZ Penang. Konsultan pakar-pakar ini pernah dieksport ke negara-negara Kenya, Nepal, Sri Lanka dan Filipina. Mereka mempunyai banyak pengalaman dan sekarang mereka telah bersedia berkhidmat dalam projek EPZ Danang.
3. An Don merupakan satu kawasan yang amat strategik lagi menarik. Ia terletak 6 km dari timur bandar Danang, 7 km dari selatan pelabuhan Tien Sa dan 7 km dari timur ialah Lapangan Terbang Antarabangsa Danang. Bekalan tenaga buruh juga terdapat di sini, dengan jumlah penduduk 1.9 juta. Pada masa depan, ia akan dihubungkan dengan Lebuhraya Nasional dan ragam pengangkutan yang lain.
4. Fasiliti-fasiliti yang disediakan oleh EPZ Danang adalah sangat lengkap iaitu:-
 - (a) Telekomunikasi: Bandar Danang dan tempat An Don dihubungkan kepada dunia luar menerusi pusat telekomunikasi baru dan station INTELSAT untuk komunikasi antarabangsa. Satu sistem kabel optik fibre

sedang dibina. "Switchboard" yang berhampiran dengan tempat An Don ini mempunyai kapasiti 500 talian kepada EPZ dan dijangka ia akan dikembangkan kepada 1,000 talian kemudian.

- (b) Kuasa: Talian transmisi yang mempunyai 500 kv sekarang telah dipasti dan dijanjikan akan dibekalkan kepada tempat An Don. Jadi An Don akan sentiasa menerima penawaran elektrik yang cukup. Sebanyak kuasa 10 MW akan disediakan di tempat itu.
- (c) Air: An Don telah dijalinkan kepada station penawaran air dari Son Tra dan Cam Le. Ia juga akan menerima air sehingga 40,000 meter padu setiap hari.
- (d) Perkhidmatan sekeliling: Fasiliti-fasiliti akan dibekalkan untuk memastikan keselamatan sekeliling dan keamanan penetapan.
- (e) Sampah-sarap: Satu rancangan pemusatan dan fasiliti disediakan.
- (f) Pembetungan dan kotoran: Pelabur-pelabur dikendaki hanya perlu memasang saluran di tempat itu dan aliran akan dialirkan keluar ke tempat pemusatan untuk diurus seterusnya.
- (g) Pembuangan bahan-bahan pepejal: Satu tempat pusat penetapan akan disediakan.

5. Danang EPZ/IZ juga dihubungkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur yang telah dipertingkatkan mutunya. Ini termasuk hotel-hotel bertaraf antarabangsa, tempat pelancongan, jalan keretapi Utara-Selatan Nasional, jalinan jalan raya yang menghubungkan dengan Hanoi di utara, Bandaraya Ho Chi Minh di selatan dan Laos di barat, lapangan terbang antarabangsa Danang yang merupakan ketiga terbesar di negara Vietnam dan mengedalikan kargo dan penumbang kapal terbang sehingga Boeing 737, pelabuhan Danang merupakan pelabuhan ketiga besar di dalam negara Vietnam dan pelabuhan Sungai Han yang fasilitinya dapat mengendali empat kapal yang berat setiap satu di antara 3,000- 4,000 dwt secara serentak. Tambahan pula, perkhidmatan-perkhidmatan seperti pembinaan, perkapanan, sistem legal, perakaunan, pengerahan buruh, fasiliti hotel dan perumahan adalah tersedia di Danang.

6. Insentif pencukaian

EPZ	IZ
<ul style="list-style-type: none"> • Bagi industri pengeluaran, cukai keuntungan ialah 10% sahaja. Dikecualikan cukai pendapatan bagi empat tahun pertama. Syarikat mula mendapat keuntungan, dan mendapat lima puluh peratus potongan lagi dari cukai keuntungan untuk empat seterusnya. • Bagi industri perkhidmatan, cukai keuntungan ialah 15%. Dikecualikan cukai pendapatan untuk dua tahun pertama enterprise mula mendapat keuntungan • Cukai ke atas pengiriman keuntungan ialah 5% dari keuntungan yang dikirim keluar 	<ul style="list-style-type: none"> • 15% cukai keuntungan ke atas semua industri pengeluaran • Bagi pengeluar yang mengeksport sekurang-kurang 80% barangannya, cukai keuntungan ialah 10% dengan pengecualian cukai keuntungan selama dua tahun pertama Syarikat mula mendapat keuntungan. • Bagi industri perkhidmatan, cukai keuntungan ialah 20% dan dikecualikan cukai keuntungan selama satu tahun pertama Syarikat mula mendapat keuntungan.

<ul style="list-style-type: none"> • Bagi pelabur asing yang melabur semula keuntungan ke dalam industri dalam EPZ atau dalam Vietnam selama tiga tahun atau lebih, cukai keuntungan yang telah dibayar akan dikembalikan pada tahun keempat. 	<ul style="list-style-type: none"> • Cukai ke atas pengiriman keuntungan ialah 5% dari keuntungan yang dikirim keluar
--	--

Keutamaan industri yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur untuk industri-industri ialah testil dan pakaian, kulit, barang kulit dan kasut, mikroelektronik, peralatan elektronik, minuman, makanan dan pemprosesan makanan, pembungkusan, kraftangan, perkhidmatan dan lain-lain industri ringan.

7. Tenaga buruh di Danang adalah kompetitif memandangkan provinsi Danang mempunyai satu golongan tenaga buruh yang muda dan besar. Bandar Danang merupakan pusat pendidikan dan latihan di bahagian tengah di mana terdapat kolej (termasuk satu institusi bahasa asing yang terkenal) dan universiti-universiti dan 17 buah sekolah teknikal. Tenaga buruh wanita meliputi 53% daripada keseluruhan penawaran buruh tersedia, kenal huruf dan bermobiliti. Gaji purata bagi seorang pekerja ialah US\$35- 40 sebulan.²¹ Semua pekerja diupah melalui pendaftaran yang teratur dan penetapan adalah melalui authoriti EPZ. Ini akan memastikan taraf dan kemahiran tenaga buruh yang diperlukan.

4.5.3 Masalah-masalah Yang Menyebabkan Kelewatan Dalam Projek Pelaburan Asing

Faktor kelewatan dalam hal isu ganti rugi, pemindahan dan pemilikan tanah, persetujuan perancangan, surat hak pemilikan, penubuhan dan pelaksanaan authoriti EPZ Danang, pembangunan infrastruktur dan pemasaran menyebabkan kegagalan projek pelaburan asing ini. Pengkaji akan membincangkan dengan faktor kelewatan ini dalam keterangan berikut.

(a) Isu Ganti Rugi, Pemindahan Dan Pemilikan Tanah

Selepas pelancaran EPZ Danang,²² EPZ MASSDA masih belum mendapat hak pemilikan tanah di kawasan An Don. Tanah itu disewa kepada EPZ MASSDA dengan kadar USD0.07 semeter persegi tetapi itu tidak termasuk hak pemilikan. Ia sesuatu di luar jangkaan pelabur Malaysia. Konsep Vietnam mengenai tanah itu telah memerlukan pihak Syarikat Marikawan.²³

Masalah itu dirumitkan lagi dengan isu ganti rugi yang sukar lagi kompleks. Untuk memindahkan penghuni-penghuni di kawasan An Don tidak semudah seperti dijangkakan walau pun isu ganti rugi memang sukar diselesaikan di mana-mana jua tempat. Keunikan di Vietnam ialah ia berlainan dengan di Malaysia di mana sejumlah wang yang dipersetujui dan setelah dibayar, semua akan berjalan mengikut jadual. Di Vietnam, syarikat usahasama bukan hanya perlu menanggung kos meruntuhkan rumah yang telah dibina atas tanah tersebut, bahkan mereka juga dihendaki membayar atas setiap pokok, bangunan, atau apa-apa jua pembinaan yang terlebih

dahulunya terdapat di atas tanah berkenaan. Setiap pohon pokok, harga ganti rugi juga berlainan dengan saiz dan tingginya. Selain itu, mereka perlu mencari satu kawasan untuk menempat semula penghuni-penghuni tersebut dan segala kos pemindahan dan pembinaan bangunan di kawasan baru juga ditanggung oleh Syarikat usahasama.²⁴

Perkembangan sebegitu mengecewakan syarikat Marikawan; Syarikat Marikawan yang pada mulanya tidak mencatat dengan jelas tentang permasalahan ganti rugi di dalam perjanjian usahasama itu berasa kesal terhadap keadaan yang kian buruk dan di luar kawalan itu. Dalam proses perundingan isu ganti rugi dan pemilikan tanah itu, pihak Vietnam menunjukkan sikap yang hanya mementingkan diri sendiri dan amat tidak bertanggungjawab. Satu pasukan perundingan dengan penghuni-penghuni telah ditubuhkan. Kemajuan amat perlahan disebabkan faktor-faktor diluar jangkaan Syarikat Marikawan.²⁵

Faktor-faktor tersebut antaranya termasuklah sikap penghuni-penghuni terutama mereka yang mempunyai tapak kilang dan syarikat dalam kawasan itu yang sering berubah fikiran. Tuduhan ini bukan sebarang, pengkaji sendiri telah menyaksikan peristiwa itu. Perjanjian telah ditandatangani, wang telah dibayar, tetapi penghuni masih enggan menyerah hak pemilikan tanahnya. Alasan mereka mudah, kadar wang yang dipersetujui terdahulu tidak sepadan dengan harga sebenar dan mereka menganggap bahawa mereka telah dieksplotasi oleh kapitalis-kapitalis. Jadi mereka selalu meminta satu harga yang lebih tinggi dan perundingan yang lain akan bermula dan proses ini terus berulang selama tiga tahun.²⁶ Ini merupakan sesuatu yang

amat manghampakan pelabur-pelabur yang jujur. Sifat tamak dan jahil tertonjol dan menakutkan pelabur-pelabur asing.

Bukan setakat ini, kadar tuntutan diminta sangat tinggi dan tidak masuk akal. Nilai taksiran bagi satu bangunan oleh *Local People Committee* Vietnam ialah USD3 semeter persegi, tetapi ada syarikat yang meminta sehingga USD70 semeter persegi.²⁷ Selain ini, terdapat syarikat-syarikat yang enggan memberi kerjasam dalam perundingan. Apabila dihubungi oleh Pasukan Perunding, mereka sering memainkan permainan kucing mengejar tikus, selalu hilang dalam mesyuarat.

Selain daripada masalah yang telah dibincangkan di atas, terdapat masalah rasuah yang berleluasa; terdapat pekerja Vietnam dalam syarikat usahasama ini bersubahat dengan penghuni-penghuni dengan meminta harga yang tinggi. Komisen akan dibayar kepada pekerja tersebut apabila urusan itu berjaya.²⁸ (Pengkaji yang bekerja di lapangan selama satu tahun telah mengetahui hal ini daripada “orang dalam”. Oleh kerana sensitiviti dan perlindungan kepada orang yang memberitahu rahsia itu, maka di sini tidak diberitahu identiti sebenarnya)

Isu ganti rugi ini amat meruncingkan pihak Syarikat Marikawan. Ini kerana jumlah ganti rugi yang perlu dibayar lebih daripada apa yang kira dan terkandung dalam *feasibility study*. Yang lebih meruncingkan ialah Syarikat Marikawan tidak boleh menarik balik projek itu, disebabkan komitmen dan juga ia merupakan projek “G to G”(kerajaan kepada kerajaan). Oleh yang demikian pembangunan mesti diteruskan. Perundingan yang lebih serius telah diadakan. Dalam proses perundingan, perselisihan faham dan

ketidakpercayaan antara pihak Vietnam dan pihak Syarikat Marikawan telah mula wujud.

Syarikat Marikawan amat tidak puas hati dengan beberapa implikasi yang diakibatkan oleh isu ganti rugi dan hak pemilikan itu²⁹. Umpamanya, tidak dapat satu persempadanan tanah EPZ yang hendak dibangun dengan jelas. Pelan induk tidak boleh ditentukan. Kegiatan pemasaran dan promosi untuk Danang EPZ/IZ telah tersekat, kerana tiada tanah yang tersedia untuk pelabur-pelabur. Ramai pelabur telah membatalkan niat mereka dan rancangan keseluruhan fasiliti infrastruktur tidak boleh dijalankan. Akibatnya, reputasi Syarikat Marikawan telah terjejas.

Selepas beberapa perundingan dengan rakan kongsi Vietnam, masih belum dapat sebarang kemajuan. Pihak berkuasa Danang, pihak berkuasa pusat di Hanoi dan pihak berkuasa Malaysia telah campur tangan. Satu persetujuan telah dicapai di mana Syarikat Marikawan bersetuju menyediakan satu jumlah wang tunai untuk pembayaran ganti rugi. Wang itu merupakan sebahagian daripada sumbangan ekuiti kepada syarikat usahasama. Syarikat Marikawan hanya membuat pembayaran mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan provinsi Vietnam, iaitu Jawatankuasa Tempatan Danang. Walau bagaimanapun, sekiranya Syarikat Marikawan mendapat jumlah ganti rugi amat tinggi dan tidak masuk akal, Syarikat Marikawan akan mendesak (atau memaksa)EPZ MASSDA tidak mengambil kira kawasan tersebut di dalam pembangunan EPZ.

(b) Persetujuan Perancangan

Syarikat usahasama dianggap sebagai syarikat Vietnam dan terpaksa mematuhi undang-undang Vietnam. Syarikat Marikawan faham akan hakikat ini. Tetapi perkara yang tidak jelas ialah siapakah yang akan memberi kata pemutus kepada perancangan yang diadakan.

Pada hakikatnya pembangunan EPZ Danang itu telah dipersetujui oleh dari kedua-dua Perdana Menteri. Jadi ia mesti mendapat keutamaan dalam pemberian persetujuan, malangnya keadaan ini tidak pernah berlaku. Tidak dapat dinafikan, pembangunan satu EPZ dari segi operasinya perlu mendapat kebenaran dari berbagai-bagai institusi kerajaan, iaitu Jawatankuasa Rakyat, Insitutusi Reka Bentuk dan Pembinaan dan sebagainya. Kesemua ini bukan merupakan masalah, kerana masa yang merupakan faktor utama sebelum semua kebenaran atau persetujuan diperolehi sekiranya projek itu menerima restu dari pemimpin negara masing-masing. Tetapi isu: "*who should be the final approving authority and how does EPZ MASSDA initiate this process?*"³⁰ yang merupakan masalah. Masa di sini bukan merupakan faktor lagi tetapi satu helah yang digunakan oleh pihak Vietnam apabila didesak oleh Syarikat Marikawan untuk mendapat keputusan ke atas sesuatu perancangan.

(c) Surat Hak Penggunaan Tanah

Dalam perjanjian Usahasama, pihak Vietnam dikendaki menyumbang 70 hektar tanah dalam masa dua bulan selepas menerima Lesen Pelaburan dan Syarikat Marikawan akan menyumbang wang tunai sebanyak

USD2 juta. Sumbangan 70 hektar tanah itu hendaklah diiringi dengan hak pemilikan tanah, bersama dengan surat hak penggunaan tanah atas nama EPZ MASSDA. Bagaimanapun penundaan dari isu ganti rugi dan pemindahan, hak penggunaan tanah menjadi satu yang kritikal. Tanpa hak penggunaan tanah itu, kerja pembinaan tidak boleh dimulakan. Ini seterusnya mempengaruhi pemasaran kerana tidak mempunyai satu tajuk tanah yang sah dan jelas. Syarikat Marikawan pada masa itu berusaha keras dalam memperolehi hak, sedangkan pihak Vietnam hanya melengah-lengah masa. Menurut mereka yang tidak berpengalaman, ini merupakan keputusan kerajaan tempatan dan mereka memang tidak berkuasa berbuat apa-apa. Mereka seakan-akan melupai bahawa mereka adalah rakan kongsi dalam projek itu. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, sumbangan pihak Vietnam dalam satu perjanjian usahasama ialah hak penggunaan tanah. Jika pihak Vietnam gagal dalam mendapat hak tersebut, maka sumbangannya adalah tidak bererti.

(d) Badan Pengurusan EPZ Danang

Mengikut peraturan EPZ, badan pengurusan EPZ akan menjadi sebuah “*one stop agency*” yang mengendalikan pelaburan asing. Namun sehingga 1995 badan pengurusan di Danang masih belum dapat berfungsi sebagai sebuah institusi. Tanpa satu badan pengurusan EPZ yang lengkap dan kukuh, EPZ MASSDA tidak dapat berfungsi terutama dalam bahagian pemasaran,³¹ kerana ia tidak dapat memperolehi surat permohonan rasmi dan lesen bagi pelabur-pelabur yang ingin melabur di EPZ/IZ Danang. Ia tidak dapat menawarkan prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan rasmi kepada

pelabur-pelabur dan juga ia tidak dapat memberi nasihat ke atas prosedur rasmi kepada pelabur-pelabur umpamanya dalam persoalan pembinaan, lesen import-eksport dan sebagainya.

Autoriti EPZ ini hanya meimplementasikan peranannya secara rasmi pada tahun 1995. Secara teorinya, pelabur-pelabur yang berada di dalam EPZ Danang hanya akan menurut peraturan-peraturan pelaburan asing dan perintah yang dikeluarkan oleh autoriti berkenaan. Walau pun operasinya masih mentah dan tidak berpengalaman, tetapi pegawai-pegawai tidak mengakui akan hakikat ini. Malahan mereka ingin menunjukkan mereka boleh membangun zon-zon industri secara bersendirian di Danang. Pendiriannya sepatutnya neutral, tetapi pernah berlaku peristiwa merebut pelabur-pelabur asing dengan EPZ MASSDA dan terdapat banyak pertentangan dalam urusan harian.³²

Seperti dalam persoalan pengambilan buruh bagi satu pelabur di EPZ Danang, hanya orang yang ada “beri wang” atau orang yang merupakan saudara mara atau kawan diberi borang permohonan. Mereka juga menyalahgunakan kuasa sehingga mereka memaksa pelabur asing (pekilang di EPZ Danang) menurut kata mereka dalam hal pengambilan kerja dan urusan perdagangan yang lain. Secara “paksaan” pelabur terpaksa mengambil pekerja yang ditentukan oleh pegawai-pegawai tersebut, jika tidak, pelbagai helah akan digunakan untuk membatalkan pendaftaran pekerja yang dipilih oleh pengurusan pelabur berkenaan.

(e) Kelewatan Dalam Pembangunan Infrastruktur

Disebabkan masalah ganti rugi, pemindahan keluar penghuni-penghuni serta pemilikan tanah, pembangunan infrastruktur tidak dapat dijalankan dengan lancar. Pada tahun 1996, militari-militari yang menghuni di sebahagian besar kawasan EPZ masih enggan berpindah. Lawatan Perdana Menteri Malaysia dalam bulan Mac 1996 sebenarnya mendesak agar militari itu pindah keluar atas tekanan dari kerajaan pusat dan juga kerajaan tempatan, tetapi apa yang berlaku tidak membawa makna yang besar. Militari-militari bersetuju berpindah keluar sehari sebelum Perdana Menteri Malaysia melawat Danang, dan mereka telah berpindah semula ke tempat asal pada keesokan harinya. Pengurus pembinaan yang ingin merobohkan bangunan militari itu telah ditentang kuat oleh pihak militari sehingga senapang dikeluarkan dan tembakan ke atas dilakukan. Kesemua itu amat menakutkan dan melambatkan pembangunan keseluruhan infrastuktur EPZ Danang.

Selain itu, kerajaan tempatan tidak cukup dana untuk mempertingkat mutu saluran paip dan kuasa letrik. Untuk pembangunan sesebuah EPZ, utiliti merupakan faktor penting, EPZ MASSDA telah mengalu-alukan kerajaan tempatan untuk membekalkan air dan kuasa letrik yang cukup ke dalam zon EPZ Danang. Pada kertasnya, pihak kerajaan Danang bersetuju tetapi persetujuan itu diiringi dengan syarat-syarat yang lain. Salah satunya ialah penukaran paip baru (yang lebih besar) dari pusat penawaran air Son Tra ke zon EPZ Danang harus ditanggung oleh EPZ MASSDA, sedangkan pada rancangan awalnya EPZ MASSDA hanya bertanggungjawab untuk menarik paip dari saluran yang terdekat ke dalam zon

EPZ Danang. EPZ MASSDA yang enggan berperanan sebagai “Santa Clause” itu mula berbincang dengan jabatan air dan kerajaan tempatan, dan perbincangan bermakna kelewatan dan bertolak ansur. Selepas dua setengah tahun baharu persefahaman dicapai, di mana EPZ MASSDA bersetuju membiayai sebahagian perbelanjaan dan masalah air dapat diselesaikan.³³

(f) Strategi Pemasaran

EPZ MASSDA telah melantik sebuah konsultan Malaysia untuk berperanan sebagai konsultan pemasaran. Terdapat konflik dalam taksiran mengenai konsultan dan ejen pemasaran terutamanya pengkhususan kerja yang tidak dijelaskan. Selain itu, disebabkan bilangan penduduk di Danang EPZ/IZ adalah sangat rendah, tuduhan tidak bertanggungjawab sering timbul dalam kebanyakan mesyuarat dan amat melukai hubungan kerjasama yang sepatutnya tulin dan sejati. EPZ MASSDA menuduh konsultan pemasaran tidak berpengalaman dalam pemasaran tanah industri manakala konsultan tersebut pula menuduh EPZ MASSDA tidak menyediakan tanah perkhidmatan.³⁴

Di samping itu, strategi pemasaran telah dihantui oleh sifat tamak. Rakan kongsi tempatan ingin mendapat komisen. Kadar komisen yang dipersetujui pada mulanya ialah 5% ke atas jumlah jualan tetapi telah dibantah oleh SCCI (MPI pada masa sekarang) dan kadar 3% dibenarkan. Konsultan pemasaran pada mulanya mempercayai akan bantahan itu betul-betul diputuskan oleh SCCI atas polisi-polisi Vietnam tertentu. Tetapi sebenarnya ialah perlakuan sabotaj dari pihak rakan usahasama Vietnam.³⁵

Selain itu, pemasaran juga amat diganggu oleh pertandingan antara IZ-IZ Danang yang dibangunkan oleh authoriti EPZ/IZ. Seminar-seminar dan pelabur-pelabur asing yang diperkenalkan oleh konsultan pemasaran apabila dibawa berjumpa dengan authoriti EPZ/IZ akan sering dipengaruhi supaya melabur di zon-zon IZ mereka.

Pada masa itu, ramai pelabur lebih tertarik dengan keadaan pelaburan dan perdagangan di sekitar bandaraya Ho Chi Minh. Danang EPZ/IZ yang terletak di tengah Vietnam dan hanya boleh dihubungi dengan penerbangan transit dari Ho Chi Minh atau Hanoi dianggap amat tidak kos efektif dan kurang kemudahan. Danang EPZ/IZ tidak boleh menandingi EPZ Tan Thuan yang dibangunkan oleh pelabur Taiwan di bahagian selatan Ho Chi Minh bukan sahaja dari lokasinya tetapi juga strategi pembangunannya. Luas tanah Tan Thuan memang tidak dibangun keseluruhannya, dan mereka sudah memasarkannya. Tetapi harus diingat, tanah yang telah dibangunkan itu ialah tanah perkhidmatan (terdapat infratruktur asas) dan tidak serupa dengan Dannag EPZ/IZ, tanah secara keseluruhannya tidak mempunyai infratruktur asas dan pelan induk masih tidak boleh ditentukan. Selain itu, EPZ Tan Thuan menarik ramai pelabur Taiwan yang sedia untuk berpindah keluar dari Taiwan disebabkan industri-industri yang diceburi ialah berinsentif buruh. Pelabur-pelabur Malaysia masih belum bersedia dalam relokasi tapak perkilangannya atau masih mencapai tahap kritikal untuk mereka berpindah keluar dari Malaysia.

4.5.4 Penilaian Semula

Dalam masyarakat tempatan, Danang EPZ/IZ merupakan satu kegagalan.³⁶ Sejak ia bermula pada tahun 1993, selama empat tahun, ia hanya berjaya menarik satu pelabur asing yang menubuhkan kilang di situ berbanding dengan EPZ Tan Thuan yang sudah mempunyai 126 syarikat dari sembilan buah negara asing. Jumlah pelaburan ialah US\$380 juta.³⁷ Secara langsung, kerajaan tempatan telah memberi tekanan yang berat kepada pengurusan EPZ MASSDA. Selain itu, mungkin disebabkan bangga, autoriti EPZ/IZ telah mempromosikan zon-zon IZ mereka secara besar-besaran, dan mereka berjaya menarik beberapa pelabur asing dan mereka sering menggunakan sebagai sindiran ke atas EPZ MASSDA yang mana pelabur asing, iaitu Malaysia tidak setanding dengan orang tempatan. Komen-komen yang negatif itu merumitkan lagi pemasaran dan pembangunan Danang EPZ/IZ pada masa depan.

Sementara itu pada pendirian Syarikat Marikawan pula, projek pelaburan asing ini merupakan satu beban yang mesti ditunaikan kerana melibatkan perhubungan antara kerajaan dengan kerajaan. Operasi Syarikat Marikawan seolah-olah sebagai *national service*. Jikalau dikaji dan dipertimbangkan dari segi komersial, sudah lama Syarikat Marikawan membiarkan projek itu. Disebabkan komitmen yang telah dibuat, Syarikat Marikawan tidak mempunyai pilihan yang banyak selain mengambil langkah yang lebih bertolak-ansur dengan rakan usahasama atau kerajaan tempatan. Ini membuka peluang besar bagi mereka mengambil kesempatan ke atas Syarikat

Marikawan. Ini bermakna, kuasa perundingan Syarikat Marikawan secara tidak langsung telah berkurangan.³⁸

Selain ini, terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pelaksanaan projek pelaburan itu. Ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian. pertama, faktor-faktor fizikal, iaitu Danang EPZ/IZ yang terdapat beberapa kekurangan dari segi kriteria-kriteria yang menentukan sebuah EPZ/IZ berjaya. Kedua, dari segi syarikat usahasama itu sendiri di mana ia memang merupakan satu cabaran yang perlu dihadapai oleh semua pelabur asing tidak kira dalam sektor ekonomi yang mana pun.

Jika ditinjau dari atas, dari segi kepolisian, Danang EPZ/IZ memang layak. Bagaimanapun implementasinya sering menakutkan pelabur-pelabur asing. Kerajaan tempatan sering mengimplementasikan peraturan-peraturan dengan suka hati. Oleh itu, sikap kerajaan tempatan telah menjadi salah satu faktor pertimbangan penting kepada pelabur-pelabur asing. Kerajaan Danang pernah dinamakan antara yang paling sukar dilayani dan berfikiran konservatif³⁹, Perlaksanaan projek-projek yang lambat serta penarikan keluar yang tinggi telah menyekat minat pelabur-pelabur asing ke Danang.

Selain itu, polisi-polisi Vietnam yang pupular dengan perubahan amat mengelirukan dan merunsingkan pelabur asing. Misalannya, seorang bakal pelabur asing yang terlibat dalam perabut kayu telah menandatangani perjanjian tempahan tanah dengan EPZ MASSDA dan disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam 1996 di Danang. Syarikat berkenaan juga membayar deposit 10% kepada EPZ MASSDA. Tetapi apabila

Jadual 4.4: Perbandingan Antara 10 Kriteria Dengan Realiti Yang Berlaku Dalam Danang EPZ/IIZ

Kriteria	Danang EPZ/IIZ	
1. Satu polisi pelaburan asing yang jelas, meliputi kemungkinan pemilikan 100% asing dan jaminan penghantaran pulang keuntungan	Danang pelaburan asing di Vietnam disifatkan jelas dan paling liberal dan disukai oleh pelabur-pelabur asing. Pemilikan 100% pelabur asing dibenarkan dalam peraturan EPZ, dalam Fasal 9. Dalam fasal 47 dan fasal 23 dalam peraturan pelaburan asing menjamin penghantaran balik keuntungan.	Ya
2. Sekatan bebas dan cukai bebas untuk mengimport input penting dan barang kapital	Fasal 52 di dalam Peraturan-peraturan EPZ menjamin hak-hak tersebut	Ya
3. Penjelasan Kustoms yang cepat dan berkos rendah	Berbanding dengan penjelasan kustoms di luar EPZ/IIZ, ia memang lebih cepat dan berkos rendah, ini disebabkan dalam sesebuah EPZ/IIZ, pejabat kustoms didirikan di jalan masuk/keluar pintu EPZ/IIZ. Pegawai-pegawai yang bekerja di dalam pejabat ini biasanya tidak lebih daripada sepuluh orang, di dalam kes Danang EPZ/IIZ, hanya empat pegawai yang terlibat. Ini memudahkan perjalinan perhubungan dan perundingan. Selain itu, dengan pembekalan status cukai bebas, prosedur import/eksport menjadi lebih mudah	Ya, berbanding dengan syarikat-syarikat luar di EPZ/IIZ
4. Sistem pertukaran matawang asing yang liberal	Matawang asing boleh dibawa masuk ke dalam Vietnam dengan sekatan minima. Pada dasarnya, pelabur-pelabur asing harus menyembangkangkan matawang asingnya. Resit-resit matawang asing sekurang-kurangnya dapat menuup perbelanjaan di dalam Vietnam, termasuk menghantar balik keuntungan. Syarikat pelabur asing diminta memindahkan kapitalnya ke dalam Vietnam mengikut jadual yang dijelaskan dalam surat persetujuan dan charter	Ya
5. Kawalan yang minima di dalam peraturan dan aktiviti perdagangan	Dalam peraturan EPZ, autoriti EPZ yang bertanggungjawab mengawal semua aktiviti yang berkaitan dalam EPZ-EPZ berkenaan. Tetapi dalam Danang EPZ/IIZ, autoriti EPZ yang sepatutnya neutral telah menyalahgunakan kuasanya dengan campur tangan dalam hal pengambilan dan pembuangan pekerja-pekerja. Selain itu, pegawai-pegawai juga sering membuat lawatan ke kilang pelabur asing untuk "berbincang", setiap kali lawatan, ada masalah yang dikemukakan adalah diluar jangkaan pelabur asing dan kebanyakkan kali ialah mengikut implementasi mereka dalam peraturan-peraturan EPZ dan pelaburan asing di Vietnam.	Tidak, terdapat campur tangan yang ketat daripada autoriti EPZ/IIZ tempatan dan kerajaan tempatan.
6. Perpanjangan status perdagangan bebas kepada zon pembangunan dan pentadbiran EPZ	Terdapat usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan pusat untuk mengkaji dalam hal-hal berkaitan, tetapi langkah-langkah secara konkrit belum dilihat.	Ya
7. Pemilihan tapak yang sesuai	Danang EPZ/IIZ pada pandangan pelabur-pelabur asing bukan satu lokasi yang menarik pada masa kini tetapi amat berpotensi dalam masa lima tahun lagi.39 Danang masih	Tidak pada waktu itu tetapi berpotensi pada

		<p>“mundur” mengikut pandangan mereka, infrastruktur masih tidak dapat menyokong sebuah EPZ beroperasi dengan efektif, sokongan industri hampir tidak tersedia, sehingga satu spare part pun hendak dibeli dari Ho Chi Minh. Tenaga buruh walaupun lebih murah tetapi kurang berkemahiran berbanding dengan tenaga buruh di bahagian selatan Vietnam.</p>	masa kelak
8. Kemudahan pengangkutan dan utiliti yang boleh dipercayai dan diharapkan.		<p>Sistem pengangkutan dalam Zon Danang EPZ/IZ dan perjalanan dari zon Danang EPZ/IZ ke pelabuhan telah memuaskan tetapi bukan di luar zon. Keadaan rangkaian jalan raya yang menghubungkan dengan selatan dan utara amat buruk; pelabuhan Tien Sa merupakan pelabuhan ketiga di Vietnam tetapi jadual pertakalan kurang sekali, sebuah/dua setiap minggu dan ini pula amat bergantung kepada jumlah kargo, ini amat merugikan pelabur-pelabur asing yang mana mempunyai tarikh perkapan yang hendak dipenuhi. Lapangan terbang Danang juga merupakan ketiga besar di Vietnam, tetapi yang paling merunsingkan ialah tiada penerbangan terus dari negara-negara asing, terpaksa melalui penerbangan transit dari Ho Chi Minh dan Hanoi. Walau pun terdapat percubaan penerbangan terus dari negara-negara Taiwan, Hong Kong dan lain-lain tetapi hasil tidak memuaskan kerana kekurangan penumpang.Pada musim sejuk, angin typhon selalu menghamparkan penerbangan dan kadang-kala pelabur-pelabur asing tersebut di Danang dan sebagainya. Utiliti-utiliti di Danang selalu menghadapi putusan dan tidak konsisten dan memerlukan pembangunan semula dengan segala, tetapi kerajaan tempatan masih menunggu pelaburan asing.</p>	Kemudahan-kemudahan tersedia tetapi tidak effisien
9. Pentadbiran dan pengurusan yang baik		<p>Danang EPZ/IZ boleh membekalkan kerana hampir kesemuanya dokumen dan polisi diubahsuai dari PDC(Penang Development Corporation) yang mana menjayakan projek-projek pembangunan FTZ (Free Trade Zone) dalam Malaysia. Tetapi harus diingat ia masih belum dicuba kerana selama ini hanya mempunyai seorang pelabur</p>	Ya
10. Usaha-usaha promosi yang sesuai		<p>Pada peringkat EPZ MASSDA, pelbagai program promosi telah dijalankan, termasuk menjalankan “road show” di negara-negara potensi, mengadakan seminar pelaburan asing di Danang, periklanan dan sebagainya. Tetapi sering kali usaha-usaha tersebut dihamparkan dan disabotaj oleh kelewatian dalam pembinaan, kerjaan tempatan (terutama autoriti EPZ/IZ, yang merebut pelabur-pelabur asing dengan Danang EPZ/IZ) dan konflik dalam syarikat usahasama (mengenai pembahagian komisen dan sebagainya)</p>	Ada promosi tetapi sering disabotaj oleh pihak sendiri kerana keuntungan

syarikat berkenaan sedang menyediakan *fesibility study* dan permohonan kepada autoriti EPZ/IZ untuk persetujuan, peraturan 664/TTg telah membantah aktiviti eksport pelbagai sumber perhutanan dan perkayuan.

Oleh kerana bahan-bahan mentah bagi syarikat perabut itu dari tempatan (dan urusan perdagangan antara syarikat dalam zon dan luar zon dikirakan aktiviti import/eksport), maka terdapat masalah dari segi teknikal, mengikut pandangan authoriti EPZ, ia boleh memberi kelulusan dengan membawa masuk bahan-bahan mentah tersebut, manakala mengikut pandangan pejabat kustoms, aktiviti itu tidak boleh dijalankan. Perundingan dan perbincangan sering diadakan untuk menyakinkan pihak-pihak berkenaan. Apabila hampir kesemua pihak bersetuju akan cadangan projek itu, terdapat pula sekatan eksport perabut kayu-kayan ke luar negeri pada tahun akhir 1996, (kesemua kilang-kilang kayu-kayan yang melibatkan eksport telah mengalami kesulitan), walau pun larangan itu akhirnya dibatalkan kemudian kerana aduan dan bantahan dari pengeksport-pengeskport yang berkaitan. Lama-kelamaan syarikat itu rela mengorbankan wang depositnya.

Selain daripada itu, campur tangan yang melampau oleh authoriti EPZ/IZ dan kerajaan tempatan (yang mana tidak tertakluk dalam peraturan-peraturan asing dan EPZ) amat mengecewakan. Pegawai-pegawai yang kurang berpengalaman dalam praktis ekonomi pasaran suka menunjukkan mereka tahu dan “mengajar balik” pelabur asing apa yang harus dibuat. Contoh-contoh sedemikian boleh dilihat bila authoriti EPZ/IZ terlibat dalam operasi harian pelabur tunggal di dalam Danang EPZ dari segi pengambilan pekerja sehingga ke peringkat pengeluaran. Selain itu, ramai di

antara pegawai amat curiga terhadap aktiviti pelabur-pelabur asing. Terdapat bukti yang menunjukkan setiausaha dan kerani-kerani yang menjadi pengintip bagi pegawai-pegawai tersebut⁴⁰ samada sukar rela atau dipaksa.

Tidak boleh dinafikan bahawa lokasi Danang tidak setanding dengan Ho Chi Minh atau Hanoi dari segi pembangunan industri apatah lagi pembangunan EPZ dan IZ. Bagaimanapun mengikut Syarikat Marikawan, laporan pasukan penyelidik menunjukkan pada tahun 1992 dan 1993, keadaan Ho Chi Minh, Hanoi dan Danang seoleh-oleh terletak di atas dasar yang sama. Pasukan itu berpendapat dengan adanya pembangunan EPZ di Danang yang mana tanahnya lebih rendah dan kos buruh yang lebih murah akan menarik ramai pelabur, dan projek-projek infrastruktur yang lain dapat mengikuti. Di samping itu, pada masa itu, terdapat projek-projek infrastruktur di sekitar Danang yang mendapat perhatian sepenuhnya dari pelabur-pelabur antarabangsa. Dari segi potensinya ia merupakan tempat yang dapat dibangunkan dengan kos yang rendah. Mereka tidak menyangka pada masa empat tahun kemudian (1996), jurang pembangunan antara ketiga-tiga tempat itu amat besar. Antara sebabnya ialah kebanyakan projek infrastruktur yang dicadangkan itu akhirnya tenggalam begitu sahaja.⁴¹

Ramai pelabur asing berpendapat kerajaan tempatan agak berfikiran konservatif dan sukar dalam perbincangan dan perundingan. Umpamanya, pembangunan pelabuhan Tien Sa telah berkali-kali menandatangani *Memorandum of Understanding* (MOU) dengan pelabur-pelabur asing, tetapi hingga hari ini, masih tiada tindakan yang konkret diambil disebabkan syarat-syarat yang ditetapkan terlalu mahal bagi pelabur-pelabur

asing. Selain ini, pada tahun 1995, Danang mendapat perhatian dari pelabur-pelabur dari Amerika Syarikat dengan projek BBI yang berjumlah lebih USD200 juta. Perkara itu bukan sahaja memerangsangkan kerajaan tempatan tetapi telah mengabur mata mereka agar terlalu bercita-cita tinggi. Harga tanah dengan serta-merta telah naik dengan tinggi dan pelaburan asing yang modal kurang dari US\$5 juta tidak mendapat perhatian. Keadaan ini telah menterbalikkan minat dan usaha jitu pelabur-pelabur asing. Apa yang menghampaskan projek BBI itu akhirnya telah dibatalkan pada tahun 1996. Danang pada akhirnya tidak mendapat apa-apa.⁴²

Di Danang, persoalan *chicken-and-egg* amat kritikal. Para pelabur mengadu ketidakadaan infrastruktur yang baik. Mereka akan tunggu sehingga infrastruktur dibina. Manakala pelabur asing yang tertarik dengan projek infrastruktur pula mengadu di Danang, aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan asing agak lembap. Jumlah urusannya tidak memadai dengan wang yang dilaburkan dalam projek-projek tersebut. Keputusannya ialah mereka mempunyai "*opportunities cost*" yang lebih baik di tempat lain.

Selain daripada faktor-faktor yang dibincangkan di atas, perlu dijelaskan bahawa keseluruhan perikliman pelaburan asing di Vietnam telah mula jatuh pada tahun 1996. Pada masa itu, tempat-tempat baru seperti Myanmar telah mengganti tempat Vietnam. Peratusan projek pelaburan asing yang gagal yang tinggi di Vietnam juga mempengaruhi pelabur-pelabur baru. Mereka lebih berhati-hati. Faktor-faktor yang mempengaruhi atau menghantui keputusan pelabur-pelabur asing akan dibincangkan dengan lebih terperinci di bab kemudian.

4.6 Kesimpulan

Pembangunan EPZ dan IZ merupakan satu trend yang hangat dalam tahun 1990an. Projek pembangunan EPZ/IZ sering diutamakan dalam senarai projek pelaburan asing. Pihak kerajaan Vietnam amat percaya bahawa pembangunan EPZ dan seterusnya IZ akan memecut pembangunan perindustriannya, menambah eksport dan menawar lebih banyak peluang pekerjaan. Kos untuk membangunkan satu tapak EPZ dan IZ memerlukan kapita yang besar, sering kali pelabur asing yang merupakan tumpuan utama. Manakala bakal-bakal penghuni (pengusaha/pekilang) juga menumpukan perhatian kepada pelabur-pelabur asing.

Walau bagaimanapun, Vietnam tidak menyedari untuk mengadakan satu EPZ/IZ yang berjaya memerlukan komitmen-komitmen tertentu dari pihak kerajaan Vietnam dan perikliman pelaburan secara keseluruhannya. Vietnam sekurang-kurangnya perlu memenuhi sepuluh kriteria yang dikemukakan oleh World Bank. Didapati banyak EPZ/IZ yang ada di Vietnam sekarang jarang ada yang memenuhi kesemua kriteria itu. Apa yang membanggakan ialah pembangunan EPZ/IZ telah menarik ramai pelaburan asing.

Kepentingan pembangunan EPZ/IZ di dalam pembangunan perindustrian boleh dilihat dari kesan-kesannya dalam sektor pekerjaan, perdagangan luar, pemindahan teknologi dan kemahiran dan alam persekitaran. Bagaimanapun, satu isu yang kritikal mengenai pencapaian EPZ ialah gagal mendapat kadar kependudukan yang tinggi. Selain itu EPZ tidak dapat menghasil manfaat yang cukup secara langsung atau tidak langsung

untuk menyamakan pelaburan yang dilabur ke atas pembinaan dan pembangunan. EPZ yang masih mempunyai tempat kosong yang banyak dan fasiliti-fasiliti yang kurang selepas 10-15 tahun beroperasi dikirakan gagal.⁴³ Danang EPZ/IZ hanya beroperasi lima tahun, ia tidak harus diklasifikasikan sebagai satu EPZ yang gagal tetapi boleh dikategorikan sebagai satu projek pelaburan asing yang menghadapi cabaran yang besar dan mengambil masa yang lebih panjang untuk membangunkannya. Kejayaan atau kegagalan kurang sesuai untuk dinilaikan pada masa kini.

Kegagalan pelaburan asing dalam Danang EPZ/IZ bukan merupakan kes tunggal, malah terdapat banyak projek pelaburan asing yang lain juga mengalami masalah-masalah tertentu. Dalam kes pelaburan asing Danang EPZ/IZ itu, keputusan yang agak terburu-buru ditunjukkan oleh pengusaha Malaysia dan kurang pengalaman dalam pelaburan asing.

Nota Hujung

¹ Di dalam kajian kes ini, pengkaji akan menggunakan Danang EPZ/IZ untuk merujuk nama projek pelaburan ini, sedangkan dalam katalog promosi baru-baru EPZ MASSDA ialah IZ Danang. Ini ialah kerana EPZ MASSDA telah menukar status Danang EPZ kepada status IZ pada Mei, 1997. Dengan status baru ini, pelabur-pelabur asing mempunyai kebebasan dalam melabur dalam industri pengeluaran untuk eksport keseluruhannya atau untuk pasaran domestik atau kedua-duanya.

² Temubual dengan pengurus besar syarikat Marikawan.

³ Engholm, Christopher, *Doing Business in the new Vietnam*, Prentice Hall, New Jersey, 1995, hlm. 148.

⁴ Untuk lebih memahami ketiga-tiga mekanisma itu, boleh rujuk kepada dokumen World Bank, *Export Processing Zone*, 1992, 7-8.

⁵ Pada kebiasaannya, tanah mentah ini tidak boleh dikira sebagai kos tanah kerana ia tidak termasuk ganti rugi, pampasan dan perbelanjaan yang lain.

⁶ World Bank, *Export Processing Zones*, 1992, 14.

⁷ World Bank, *Vietnam Transition to the market*, 1993, 76.

⁸ Ibid., 76.

⁹ World Bank, op.cit., 17.

¹⁰ Ibid., 77.

¹¹ World Bank, op.cit., 17.

¹² Ibid., 17.

¹³ Ibid., 18.

¹⁴ Kecenderungan penubuhan EPZ terdapat dua peringkat pembangunan pengeluaran eksport yang berbeza. Pertama, EPZ dicipta pada peringkat permulaan dalam proses pembangunan untuk menginisiatif kemasukan ke dalam pasaran dunia, bergantung besar kepada pelaburan asing (seperti Malaysia dan Sri Lanka), kedua, EPZ ditubuhkan hanya selepas sektor pengeluaran eksport telah menunjukkan kemaraan. EPZ dipandang sebagai satu peralatan dalam ekonomi yang melaksanakan pembangunan perindustrian orientasi-eksport seperti Taiwan dan Korea Selatan.

¹⁵ Ibid., 20.

¹⁶ Ibid., 22.

¹⁷ Untuk penjelasan lanjut sila lihat Kiew Yeng Ling, *Kajian Kes mengenai Hubungan Perdagangan dan pelaburan di antara Syarikat Malaysia dengan Syarikat Vietnam*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95.

¹⁸ Ibid., 159-161. Vung Tau: mempunyai potensi yang besar apabila pelabuhannya telah dibangunkan sepenuhnya. Selain itu, kekayaan sumber-sumber alam semulajadi dan tenaga buruh merupakan satu lagi tarikan. Tetapi lapisan garam (salt bed) ini hendak dibangunkan sebagai sebagai EPZ, ia mungkin akan menimbulkan masalah dalam struktur dan asas (foundation). Danang : mempunyai infrastruktur yang baik dan pelabuhan yang strategik, penawaran tenaga buruh juga menarik di samping kaya dengan sumber-sumber semulajadi. Beberapa tempat di dalam Danang telah direkomendasi tinggi. Bandar Ho Chi Minh: ia mempunyai nilai komersial yang baik dan ia dijangkakan akan menjadi pusat pembangunan yang pesat pada masa depan, tetapi pelabuhannya semakin mencapai kapasiti maksimum; oleh itu, pembangunan EPZ di sini tidak dipertimbangkan sebagai satu pilihan yang baik dan bijak. Hanoi: Kekurangan fasiliti-fasiliti pelabuhan dan kemudahan infrastruktur tidak cekap. Pembangunan EPZ di sini tidak menarik perhatian usahawan-usahawan. Hai Phong: Walau pun ia mempunyai infrastruktur yang baik, jalinan jalan raya dan jalan keretapi, fasiliti pelabuhan dan sebagainya, tetapi lokasinya kurang strategik untuk menarik pelabur-pelabur. Quang Ninh: mempunyai pantai yang cantik (Ha Long Bay) di pelabuhan Khe' Lang dan mempunyai potensi besar untuk pembangunan tempat peranginan dan industri-industri lain yang berkaitan. Ia telah ditandakan untuk pembangunan pada masa depan apabila tersedianya pelabuhan.

¹⁹ Penjelasan lanjut sila lihat *Feasibility Study of EPZ Danang*, Syarikat Marikawan

²⁰ Penjelasan lanjut sila lihat Marketing Report, Februari 1995, Pelita Pacific

²¹ Penjelasan lanjut sila lihat Industrial Zone Danang, Syarikat Marikawan

²² Pihak Vietnam memandangkan pertanyaan yang banyak itu, mereka menganggap tugas pemasaran adalah begitu senang, dan parti Vietnamese dalam syarikat usahasama ini ingin mengambil bahagian dalam pemasaran, atau setidak-tidaknya memdapat komisen dari konsultant pemasaran. Pengarah pada dasarnya telah bersetuju tetapi masih belum ia sempat merangka butir-butirannya, masalah sudah berlaku. Parti Vietnamese tidak tahu pelabur-pelabur tidak akan berminat dengan sekeping tanah yang belum dibangunkan. Dan pelabur-pelabur tidak akan menunggu tanah itu, malahan mobilasi pelabur-pelabur asing adalah bebas dan selalu alternatif yang lain.

(pihak Vietnam tidak melibat diri dalam masalah pemilikan tanah dan isu ganti rugi dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas, bagi mereka, tanah mereka adalah sangat strategik, semua orang yang bekerja dalam syarikat usahasama hanya mementingkan pemasaran dan ingin mengambil satu bahagian dalam pemasaran kerana komisennya.

²³ Perjanjian Usahasama yang ditandatangai pada 5 Jun 1993. Di dalam Artikel 11 (pemidahan dan gantirugi, Evacuation and compensation); pemidahan dan gantirugi kepada rumah-rumah, bangunan-bangunan, struktur-struktur dan fasiliti-fasiliti di tempat An Don akan dikendalikan dengan cara perjanjian bertulis dan ditandatangani antara JVC dan penduduk-penduduk tempatan. Ini akan dikawal dan dibantu oleh pihak berkuasa tempatan. JVC bertanggungjawab membayar ganti rugi melalui autoriti tempatan mengikut kemajuan pembangunan EPZ. Selain itu, pihak asing akan menyediakan satu jumlah wang tunai pendahuluan yang akan dibayar dalam cara ganti rugi berdasarkan satu budget yang disediakan khas untuk tujuan pemindahan. Kegunaan tersebut merupakan sebahagian daripada pembayaran pihak asing dalam saham Kapital Legal. Pengurus besar Syarikat Marikawan menakui semasa merangka perjanjian ini, pihak mereka tidak mengkaji undang-undang tanah Vietnam dengan teliti dan juga keadaan di Vietnam. Perjanjian ini hanya dibuat berdasarkan perkara-perkara umum yang biasa berlaku dalam sebarang perjanjian antarbangsa.. Mereka telah lupa bahawa Vietnam adalah sebuah negara yang berideologi sosialis yang mempunyai taksiran yang tersendiri mengenai tanah. Ganti rugi yang akan dibayar tidak dispesifik terdahulu dan ini telah memberi peluang kepada pihak Vietnam mengambil kesempatan atau hanta perbuatan biasa meminta banyak ganti rugi yang berbagai-bagai. Sikap yang agak tidak berhti-hati ini telah menimbulkan masalah pada masa kemudahan semasa permulaan operasi dan masalah ini masih menyekat kemajuan seterusnya.

²⁴ Ibid., 185

²⁵ Pengkaji yang mula bekerja di dalam EPZ Massda pada tahun 1995 secara langsungnya telah melibatkan diri dalam permasalahan dengan isu ganti-rugi dan perpindahan. Keterangan lanjut sila lihat Progress Report 3, Syarikat Marikawan, 1996.

²⁶ Penjelasan lanjut sila lihat Marketing Report Disember 1996, Pelita Pacific.

²⁷ Ibid.

²⁸ Tentang perkara ini sila lihat laporan sulit Syarikat Marikawan dibawah jodol Progress Report of EPZ Danang Development.

²⁹ Kiew Yeng Ling, op.cit., 187. ..

³⁰ Ibid., 189.

³¹ Ibid., 190-191.

³² Peristiwa ini paling menonjol dalam satu seminar yang diadakan oleh EPZ MASSDA yang berhubungan dengan lawatan Perdana Menteri pada tahun 1996. Pegawai-pegawai mengalau pelabur asing yang berpotensi melawat IZ yang ditubuhkan oleh mereka. Perkataan seperti "our zones are more suitable for your investment" keluar dari mulut pegawai tersebut. Penkaji yang mengetuai seminar itu merasa amat terkejut dan peristikewa ini telah menimbul persoalan antara pelabur-pelabur yang hadir iaitu, mengapa authoriti Danang tidak menyokong EPZ Danang, perhubungan yang tidak mesra dan bersaing itu akan merencatkan pembangunan EPZ Danang selanjutnya. Secara langsung keyakinan pelabur-pelabur asing telah terganggu.

³³ Pelabur asing yang pertama di dalam zon EPZ Danang itu dari hari pertama ia beroperasi sehingga akhir tahun 1996 ialah menggunakan air dari telaga.

³⁴ Lembaga pengurus dalam konsultan pemasaran mempunyai pengalaman 20 tahun dalam membangun Zon Pembebasan Perdagangan (Free Trade Zone, FTZ) di Penang dan merupakan konsultan bagi pembangunan EPZ di Sri Lanka, Kenya dan negara-negara lain. Dari pengalaman mereka, Danang EPZ/IZ yang masih boleh menetukan pelan dan masih dalam penyelesaian masalah pampasan dan perpindahan tidak harus menyerap strategi pemasaran yang agresif kerana akan menerima reaksi negatif dari komuniti pelabur asing. Harga yang ditawar ialah untuk tanah perkhidmatan iaitu mempunyai infrastruktur yang asas yang mana EPZ MASSDA pada masa 1994-1997 masih belum menawarkan.

³⁵ Di Vietnam, kadar komisen perlu dipersetujui oleh SCCI (MPI). Apabila pengurus konsultan melawat ke Hanoi pada bulan November 1995 dan berjumpa dengan pihak berkuasa di SCCI, telah mendapat pemotongan kadar komisen itu disabotaj oleh rakan kongsi Vietnam, di mana rakan kongsi Vietnam yang membantah kadar itu dan mempengaruhi pihak berkuasa itu membantah secara rasminya. Pihak berkuasa itu telah menasihati konsultan memohon semula dan kemungkinan besar akan mendapat kadar komisen 5%. Konsultan pada akhirnya tidak melakukan apa-apa tindakan terhadap perkara itu.

³⁶ Ini boleh dilihat dari komen-komen seperti pembinaan infrastruktur yang lambat, strategi pemasaran yang kuno sering muncul di suratkhabar-suratkhabar tempatan. Selain itu, pengkaji juga sering disindir oleh pegawai-pegawai kerajaan tempatan mengapa Danang EPZ/IZ hanya mampu menarik satu pelabur berbanding dengan zon-zon yang lain.

³⁷ Laporan Tan Thuan EPZ pada Ogos, 1996, 3

³⁸ Penjelasan lanjut sila lihat Company Report Disember 1996, Syarikat Marikawan

³⁹ Temubual dengan seorang pelabur Taiwan, Syarikat Quoc Bao, ia merupakan pelabur pertama di Danang.

⁴⁰ Ini dialami oleh pengkaji sendiri apabila jadual dan pokok perbincangan dengan sesorang pelabur atau pelawat akan diketahui oleh pegawai-pegawai berkenaan dalam masa yang cepat dengan ketidakhadiran mereka. Kadang-kala perkara seperti curi dengan talifon juga didapati. Ini dibuktikan dengan pengesahan dari pengurus besar dari pelabur tunggal di Danang EPZ/IZ. Pengurus besar berkali-kali ingin memecat kerani-kerani berkenaan tetapi dilarang oleh pihak berkuasa Vietnam. Cik Huong, seorang setiausaha yang rapat dengan pengkaji yang telah meletakkan jawatan selama beberapa bulan memberitahu pengkaji bahawa dia telah dipaksa oleh pegawai-pegawai dan pengurus-pengurus Vietnam dalam syarikat usahasama untuk melapor semua aktiviti dan percakapan esekutif-esekutif yang bekerja di EPZ MASSDA. Maklumat yang dijelaskan di atas selaras dengan hasil temubual pengkaji dengan Cik Huong pada beberapa waktu di bulan Mei, 1996.

⁴¹ Penjelasan lanjut sila lihat Feasibility Study, Syarikat Marikawan, 1994.

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid, 14.